

MEDAN BAHASA

Serbaneka tentang Perkembangan Bahasa dan Kesusteraan Melayu

Dengan tujuan hendak mempertinggi martabat bahasa Melayu, bahasa kebangsaan yang tunggal yang sedang menghadapi masa depan yang besar dengan terbentuknya ((Melayu Raya)), maka berbagai-bagai rancangan sedang diatur dengan rapinya.

Bulan Bahasa pada tahun-tahun yang akan datang akan dilanjutkan hingga menjadi ((Tahun Bahasa)), ensiklopedia dunia dan ensiklopedia kebangsaan akan diterbitkan. Manakala pengarang-pengarang dan penulis-penulis yang bermutu hasil karangannya akan diberikan hadiah-hadiah sebagai penghargaan negara.

(Oleh Matlub)

Tahun Bahasa Kebangsaan

Bulan Bahasa Kebangsaan telah berakhir dengan jayanya pada bulan yang lalu. Dalam tahun yang akan datang akan diadakan pula bulan-bulan bahasa selama 3 bulan dan seterusnya hingga kepada setahun lamanya.

Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah menegaskan cita-cita ini dalam upacara menyampaikan hadiah-hadiah peraduan-peraduan peringkat kebangsaan Bulan Bahasa di Balai Budaya Dewan Bahasa dan Pustaka baharu-baharu ini.

Antara lain-lain, Seri Paduka bertitah:

Beta berharap setelah diadakan Minggu Bahasa dan Bulan Bahasa yang berjalan selama ini, maka pada masa akan

datang akan diadakan bulan-bulan bahasa selama tiga bulan, empat bulan, dan akhirnya Tahun Bahasa Kebangsaan.

Baginda telah menggesa seluruh rakyat menggunakan bahasa kebangsaan dengan bersungguh-sungguh kerana ini adalah tanggungjawab mereka sebagai warga negara yang taat setia kepada negeri ini.

Penghargaan Negara kepada Penulis

Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu hendak memberikan ((Penghargaan Negara)) kepada penulis-penulis dan pengarang dalam bahasa Melayu yang hasil karangannya patut dihargai.

Ini telah diumumkan oleh Menteri Pelajaran, Encik Abdul Rahman Talib, dalam upacara membuka

Pesta Buku-buku Melayu di Dewan Bahasa dan Pustaka

baharu-baharu ini.

Memang patut benar, kata beliau, hadiah-hadiah itu diadakan sama ada sekali setahun, atau sekali dua tahun, ataupun sekali tiga tahun. Hadiah-hadiah itu akan meliputi novel, buku-buku sekolah, buku-buku ilmu pengetahuan dan serba jenis kesusteraan.

Galakan-galakan yang berupa ((Penghargaan Negara)) kepada penulis-penulis dan pengarang-pengarang – kata beliau lagi – memang patut diadakan supaya dengan demikian golongan pengarang-pengarang

dan penulis-penulis itu bukan sahaja merasa diri sangat-sangat dikehendaki oleh bangsa dan negaranya tetapi juga dihargai dan dihormati.

Dengan jalan itu, kata beliau, sebagai satu bangsa dan negara yang berdaulat dapatlah kita menunjukkan penghargaan kita kepada golongan pengarang dan penulis yang tidak dapat disangkal lagi penting kedudukannya dalam masyarakat kita.

Penghargaan yang berupa apa jua pun, katanya lagi, tidak akan menjamin kehidupan seseorang pengarang kalau buku-buku dan karangan-karangannya tidak diberi bayaran yang memuaskan oleh penerbit.

Lebih lanjut beliau berkata: Kedudukan pengarang dan penulis dalam masyarakat sama penting dengan kedudukan pegawai-pegawai, guru-guru, pensyarah-pensyarah, doktor-doktor, peguam-peguam, saudagar-saudagar, jurutera-jurutera, kaum tani, kaum buruh, dan lain-lain golongan yang menegakkan masyarakat.

((Adalah menjadi tanggungjawab masyarakat untuk memelihara kedudukan dan taraf pengarang-pengarang dan penulis-penulisnya supaya mereka dapat hidup dan bekerja dengan baik dan bersungguh-sungguh.))

Menimbulkan pengarang dan penulis, kata beliau, bukanlah satu perkara yang mudah. Dari sepuluh cerdik pandai belum tentu ada satu yang pandai yang boleh mengarang. Dari seratus lulus pelajaran tinggi belum tentu ada dua tiga orang yang boleh menulis buku. Dan dari sekian banyak ahli-ahli politik, pelajaran, agama, dan lain-lain lagi, payah hendak mencari seorang dua yang boleh mengarang menyebarkan ilmu pengetahuannya.

Sudah terbit!

Kitab “Pelajaran Sembahyang”

Kitab “Pelajaran Sembahyang” susunan

al-Ustādh Ahmad Sonhadji Mohamad, guru Madrasah

Aljunied al-Islamiah Singapura, telah dicetak

semula setelah diperbaiki dan ditambah isinya.

Kitab ((Pelajaran Sembahyang)) ini, yang juga terkenal dengan nama ((*Allāhu Akbar*)) mengandungi pelajaran tentang imam, makmum, masbuk, Jumaat dan jenazah. Dalam cetakkan yang kedua yang baharu siap ini ditambah dengan beberapa bahagian mengenai: rukun-rukun sembahyang, perkara-perkara yang membatalkannya, soal-soal berjemaah dan cara-cara menyembahyangkan mayat.

Harganya \$1.20 sahaja.

Pesanlah kepada penerbitnya:

Qalam, Singapura

Rancangan-rancangan Besar Dewan Bahasa

Dewan Bahasa dan Pustaka sekarang sedang melancarkan dua rancangan besar dalam bidang usaha mempertinggi martabat bahasa Melayu yang sedang menghadapi masa depan yang besar dengan terbentuk dan wujudnya ((Melayu Raya)). Demikian diumumkan oleh Tuan Syed Nasir bin Ismail Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka.

Rancangan yang pertama: Menerbitkan sebuah atlas kebangsaan yang akan mengandungi sekurang-kurangnya 100 peta yang menunjukkan hal ehwal Tanah Melayu dari segi politik, sejarah, ekonomi, perusahaan, pembangunan masyarakat dan lain-lain lapangan. Penerbitannya akan mengambil masa tiga tahun.

Rancangan kedua: Menerbitkan ensiklopedia dunia secara kesukaan ramai, besarnya 16 jilid dan mengandungi berbagai jenis ilmu pengetahuan tentang sesuatu dalam tamadun dunia ini. Penerbitannya akan mengambil masa dua tahun.

Sebuah jawatankuasa kerja telah pun mula menjalankan asas ensiklopedia dunia itu.

Usaha itu kelak akan dituruti pula dengan penerbitan sesebuah ensiklopedia kebangsaan yang di dalamnya akan terkandung lebih banyak hal-hal mengenai kehidupan dan tamadun Melayu sendiri di samping tamadun negeri-negeri lain seluruh dunia.

Sudah Siap

PERSURATAN MELAYU 111

\$7.00 sa-naskhah

Penerbitan Qalam:

Pendeta Za'aba

Sambungan dari muka 13

bagi kami penghormatan dan penghargaan kepada perjuangan bahasa dan kesusteraan Melayu seluruhnya.

Dan kami sungguh merasa megah mempunyai seorang panglima negara yang tabah seperti Dato', merasa ikut menerima kehormatan bersama-sama dengan Dato'. Dan merasa bertambah-tambah yakin akan masa hadapan dengan perjuangan kita.

Saya teringat satu pantun Melayu:

Kain songket panjang sembilan

Benang sutera tenun kepalanya,

Tuan memetik bunga di taman,

Kami menumpang harum baunya.

Sebuah lagi:

Panglima Rasu mengadap bendahara

Pulau Tiwar daerah perangnya

Panglima baru Mangku Negara

Kita harapkan silat pencaknya.

Kami pejuang-pejuang bahasa dengan hati yang tulus ikhlas mengucapkan syukur kepada Tuhan, menjunjung kasih ke bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Dato' dan Datin. Mudah-mudahan peristiwa yang bersejarah ini membawa hikmah yang lebih besar lagi bagi perjuangan kita menegakkan bahasa dan kesusteraan kebangsaan. Mudah-mudahan Tuhan berkati hidup Dato' dan Datin dengan kejayaan-kejayaan yang lebih besar lagi di masa yang akan datang.